

## FreeMarket@UMS Dapat Sambutan Memberangsangkan

Terakhir dikemaskini: Isnin, 19 Mac 2018 11:59 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 199

[Kongsi 0](#)[Syorkan 0](#)[Kongsi](#)[Tweet](#)[Share](#)

**ISNIN, 19 MAC** - Program FreeMarket@ UMS anjuran Fakulti Komputeran dan Informatik (FKI), Universiti Malaysia Sabah (UMS) dengan kerjasama Pusat Islam UMS (PIUMS) mendapat sambutan yang memberangsangkan daripada pengunjung baru-baru ini.

Menurut jurucakap PIUMS, Ainah Ramlan Angusa, dianggarkan lebih 400 pengunjung hadir pada program yang diadakan bertempat di ruang letak kereta Fakulti Kejuruteraan (FKJ).

“Terdapat lebih 20 gerai sumbangan telah dibuka melibatkan pelbagai barang terpakai seperti pakaian wanita dan lelaki, barang dapur, barang elektrik selain makanan yang diberikan secara percuma kepada para pengunjung yang terdiri daripada pelajar dan kakitangan UMS serta masyarakat sekitar.

“Selain dari memberi sumbangan kepada yang memerlukan, program ini bertujuan mengajak lebih ramai orang ramai menyertai program seumpama ini,” tambahnya.

Bertemakan ‘Senyum Memberi, Sopan Menerima’, Program FreeMarket@UMS itu bakal menjadi program tahunan FKI dan PIUMS.